

25/11/1997

Mata wang: Apec perlu buat peraturan

VANCOUVER, Isnin - Mesyuarat pemimpin negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kali ini perlu membuat keputusan mewujudkan segera peraturan ketat bagi mengawal kegiatan urus niaga mata wang bagi menyekat peniaga mengulangi serangan tanpa sebarang penghujung.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, ketiadaan peraturan khusus menyebabkan fungsi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) nampak tidak bermakna kerana jumlah urus niaga mata wang adalah 20 kali ganda lebih besar daripada jumlah perdagangan dunia yang dikawal oleh badan itu.

Perdana Menteri berkata, Apec Vancouver mesti mengambil ketetapan itu supaya persidangan pada masa akan datang termasuk di Kuala Lumpur pada 1998 dapat memberi tumpuan kepada isu perdagangan yang lain.

Dr Mahathir berkata, beliau akan mencadangkan supaya pasaran mata wang diwujudkan menerusi kawalan peraturan yang telus agar dapat diketahui umum siapa mereka yang terbabit secara langsung.

"Saya mahu mencadangkan mesyuarat pemimpin Apec kali ini mencapai satu persetujuan mengenai perkara itu dengan menentukan peniaga mata wang tidak mempunyai dana yang tidak terhad bagi digunakan untuk menundukkan orang lain," katanya pada sesi soal jawab dengan ketua eksekutif dari 18 negara Apec yang mengadakan sidang kemuncaknya sempena mesyuarat tahunan forum itu, di sini.

Dr Mahathir berkata, jika dunia boleh mengadakan peraturan menerusi WTO bagi mengawal perdagangan yang hanya kira-kira lima peratus keseluruhan jumlah dagangan mata wang, tidak ada sebab mengapa kegiatan urus niaga mata wang tidak perlu dikawal.

"Pernah disebut jumlah dagangan mata wang adalah 20 kali ganda lebih besar daripada perdagangan dunia. Jika perdagangan dunia dikawal tanpa mengambil kira dagangan mata wang, ini bermakna baki 95 peratus daripada keseluruhan dagangan dunia tidak dikawal.

"Oleh itu, WTO apakah yang kita ada sekarang, jika ia hanya mengawal lima peratus daripada jumlah dagangan itu. Berikutan itu, dunia mesti segera mempunyai satu peraturan untuk mengawal urus niaga mata wang," katanya.

Mendedahkan peniaga mata wang boleh menjana dana sehingga AS\$3,600 bilion dengan hanya menggunakan modal AS\$180 bilion, Dr Mahathir berkata, tidak ada sebuah negara di dunia pun, menerusi bank pusat masing-masing dapat menangkis "rancangan" peniaga untuk terus meraih keuntungan berlipat kali ganda tanpa dikenakan cukai.

Sambil mengingatkan negara Apec bahawa kegiatan peniaga ini tidak akan berakhir sampai bila-bila tanpa kawalan ketat, Dr Mahathir berkata, mereka tetap kembali mengaut keuntungan apabila nilai mata wang sesebuah negara mula kelihatan pulih.

"Misalnya, Bank Negara Malaysia hanya mempunyai kira-kira AS\$20 bilion rizab untuk mempertahankan ringgit berbanding kemampuan peniaga mengurus niaga sehingga AS\$3,600 bilion.

"Apabila kita tidak mempunyai dana mencukupi, mereka sengaja memberi kita peluang mengumpul semula," katanya.

(END)